

Kukuhkan kefahaman Islam, elak dipengaruh: PM

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman 204 - 6 JAN 2000

JITRA, Rabu – Umat Islam dinasihatkan supaya mempertingkatkan kefahaman agama agar tidak terpengaruh dengan ajaran golongan tertentu yang mempunyai kepentingan sendiri, termasuk politik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tanpa kefahaman agama yang kukuh, umat Islam mudah dipengaruhi golongan yang menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar.

Berucap pada majlis berbuka puasa dengan penduduk Kampung Bukit dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu dekat sini hari ini, Dr Mahathir bimbang akidah umat Islam akan terjejas jika terpengaruh dengan ajaran golongan terbabit.

Berikutan itu, katanya, selain

menyediakan pembangunan fizikal untuk rakyat, kerajaan juga mahu melihat umat Islam mengamalkan ajaran sebenar Islam dan tidak diseleweng oleh golongan tertentu.

“Kefahaman mengenai Islam penting bagi mengelakkan kita daripada terpengaruh dengan ajaran yang tidak berasaskan Islam sebenar.

“Kita juga harus memahami bahawa kita tidak boleh samakan Islam dengan badan lain. Di sisi Allah, agama ialah Islam dan hanya Islam sebenar yang diterima Allah.

“Tidak ada siapa boleh mendakwa ajaran mereka setaraf dengan Islam dan jika ada yang berbuat demikian ia bermakna kita menghina Islam,” katanya.

Perdana Menteri juga menje-

laskan mengikut ajaran Islam berasaskan Ahli Sunnah Waljamaah, umatnya boleh mengikut salah satu daripada empat mazhab, iaitu Mazhab Shafie, Hambali, Maliki dan Hanafi.

Schubungan itu, Dr Mahathir meminta pemimpin dan ulama menegur golongan yang membawakan ajaran yang bercanggah dengan Islam.

Menurutnya, ia perlu dilaksanakan secara berkesan kerana ada umat Islam di negeri tertentu yang mendakwa kononnya penyokong Umno tidak Islam.

“Mereka akan samak masjid (yang digunakan ahli Umno) sebelum menggunakannya. Mereka juga tidak terima imam kerajaan dan bersembahyang secara berasingan atau di masjid lain.

“Jika kegiatan itu berterusan,

ia akan menyebabkan perpecahan umat Islam dan menjadikan mereka lemah serta mudah dikuasai orang lain,” katanya.

Hadir sama pada majlis berbuka puasa itu ialah Menteri Besar Datuk Syed Razak Syed Zain; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta 60 imam dan pegawai agama dari lima wilayah selatan Thailand.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan akan terus menghulurkan bantuan mengikut kemampuan kepada masyarakat Islam di selatan negara jiran itu.

Bagaimanapun, ia bukan bertujuan mencampuri urusan politik negara berkenaan tetapi sekadar membantu sesama umat Is-

lam dan berdasarkan satu bangsa Melayu.

Menurutnya, kerajaan Thailand memberikan perhatian sewajarnya terhadap umat Islam negara berkenaan dengan memberi mereka peluang menduduki jawatan penting, termasuk sebagai menteri.

Antara bantuan yang diberikan kerajaan ialah memberi peluang kepada umat Islam di selatan Thailand belajar dalam bidang tertentu di negara ini.

Sempena lawatan ke kampung berkenaan, Dr Mahathir turut diberi peluang memberikan nama seorang bayi berusia lapan hari dari kampung berkenaan dan melakukan adat ‘mengikat tangan’ bayi berkenaan. Anak Abdul Aziz Ayub itu dinamakan sebagai Murad sempena nama abang Dr Mahathir.